

Timbalan menteri: Belajarlah dari pembatalan SBPA

MalaysiaKini.com

March 8,2012

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Saifuddin Abdullah berkata, skim Saraan Baru Penjawat Awam (SBPA) dibatalkan kerana terdapat agensi kerajaan tidak faham peranan masyarakat sivil sebelum ini dan tidak mengadakan rundingan sepatutnya.

Sambil meminta orang ramai belajar daripada kes itu, Saifuddin menegaskan perlunya "perundingan tulen" dan pengiktirafan kepada sektor lain, termasuk sektor pembangunan, perniagaan dan masyarakat sivil.

"Perlu ada perundingan tulen antara agensi kerajaan dengan sektor-sektor itu, bukannya sekadar alar kadar atau melepasi batuk di tangga sahaja," kata anggota majlis tertinggi Umno itu.

Datuk Seri Najib Razak hari ini mengumumkan Skim Saraan Baru Penjawat Awam (SBPA) dibatalkan dan Skim Saraan Malaysia (SSM) dikembalikan dengan penambahbaikan.

Mengumumkan dalam perjumpaan khas dengan ribuan penjawat awam di Putrajaya, Najib berkata keputusan itu dibuat setelah mendengar rintihan penjawat awam yang tidak berpuas hati.

Dalam kenyataannya sejujur selepas SBPA dibatalkan, Saifuddin berkata, tindakan itu membuktikan usaha perdana menteri untuk mengiktiraf suara rakyat.

"Beberapa hari lalu PM kata kerajaan nak tingkat peranan masyarakat sivil. Hari ini PM mengotakan katanya," kata Saifuddin lagi.

SBPA sebelum ini ditentang hebat oleh pembangkang dan kakitangan kerajaan melalui Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang mahu gaji kumpulan yang menikmati kenaikan tinggi dikurangkan dan disalurkan kepada gred bawahan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

<http://www.malaysiakini.com/news/191472>